

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 JULAI 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Career switch a noticeable trend	The Star
2	Typhoon cause of dry spell	The Star
3	Impak mansuh AP	Harian Metro
4	40 Usahawan Bionexus Bumiputera	Utusan Malaysia
5	Govt still studying plan to abolish APs	The Star
6	15 muka baru MKPTN	Harian Metro
7	Muhyiddin serah watakah pelantikan anggota baharu MKPTN	Bernamea.com

Career switch a noticeable trend



Not enough: A photo of Dr Punithan with Deputy Education Minister P. Kamalanathan. Punithan now operates a business in partnership with MOSTI, which caters to higher learning institutions in the country.

BECOMING a doctor is the childhood dream for many people, and in many families, it is the pinnacle that their children can aim for.

The profession is commonly in the top three career choices of students who do well academically in the country.

While the medical profession is still highly respected, it does have its fair share of struggles and there has been a trend for young doctors in the city to hang up their white coats and set aside their stethoscopes to pursue other passions.

StarMetro spoke to several of these doctors who say they do not regret leaving the profession for their own reasons.

Financial drive

Dr Punithan Shunmugam, 33, said his ambition was to be in a financially lucrative, people-oriented profession.

He spent close to RM300,000 for his medical degree at the Udyana University in Bali, Indonesia in 2008.

The rude awakening came when he completed his studies and began serving as a houseman with the government.

"I had education loans to pay and my salary of RM3,000 was just not enough. In addition to the long hours in the hospital, I had to do locum work in private clinics.

"I was forced to look for additional income by shifting to e-commerce," he said.

Punithan kick-started an e-learning franchise business in 2011 and his business is now a partnership with the **Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI)**.

"We conduct techno-preneurship training for higher learning institutions from both the government and private sector," he said.

He has also branched out to Indonesia and India.

According to Punithan, his parents were unhappy in the initial stages but today, he has their blessings. His brother, who is also a qualified doc-

› SEE NEXT PAGE

tor, also left the profession to join his business.

He said the business had provided financial stability and he could spend more quality time with his family.

"I would advise young students not to go into the medical profession for the money as it is not an easy job," he said.

Typhoon cause of dry spell

Dept: Neoguri dragging moisture from surrounding areas

PETALING JAYA: Typhoon Neoguri which has barrelled across the southern Japanese islands of Okinawa is causing the hot and dry spell in Malaysia.

Malaysian Meteorological Department (MMD) spokesman Dr Hisham Mohd Anip said the typhoon dragged in moisture from surrounding areas, including Malaysia, which had led to the dry weather over the past few days.

"Sometimes, however, the moisture can turn into dense clouds and produce rain, which is why we expect Sabah and Sarawak to experience some rainfall," said Dr Hisham.

On whether the typhoon would strike Malaysia, he said: "There is no way it will hit us as it is in the far north."

It was reported that the strong Typhoon

Neoguri hit the southern islands of Okinawa yesterday, with sustained winds at a speed of 175kph and gusts as fast as 250kph.

The typhoon was also reported to have generated waves of up to 14m high.

The Japan Meteorological Agency, which issued its highest alert over the typhoon, said the storm could be one of the worst to strike the country in decades.

MMD's atmospheric science and cloud-seeding division director Azhar Ishak said the department is continuing its cloud-seeding exercise.

He, however, said it is subjected to the atmospheric conditions.

Meanwhile, a check with the Selangor Water Management Authority showed that there was

minimal rainfall of 1.98mm registered yesterday at the Sungai Selangor dam, which supplies water to at least 60% of the households in the Klang Valley. At press time, the level at the dam stood at 41.29%, still above the critical level of 30%. Other dams such as the Klang Gates and Langat recorded water levels of 76% and 67.22% respectively.

On the El Nino phenomenon, MMD said whether Malaysia had experienced its effects would be confirmed only by the end of this year or between November and December.



See Page 28
Neoguri lashes
Japan islands

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 54
TARIKH : 9 JULAI 2014 (RABU)

Oleh Syarifah
Dayana Syed Bakri
dayana@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Kerajaan masih mengkaji cadangan untuk memansuhkan permit import (AP) memandang ia secara tidak langsung memberi kesan kepada pendapatan negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, selain memberi kesan kepada pendapatan negara, pemansuhan AP juga akan menyebabkan kakitangan 180 syarikat pemegang AP terjejas.

"Perkara ini sesuatu yang rumit untuk diputuskan kerana ia bukan saja memberi kesan kepada hasil kerajaan, malah kepada syarikat pemegang AP," katanya selepas menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian kerjasama antara Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB Malaysia) dan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotech Corp) di sini, semalam.

Menurutnya, sejak tiga tahun lalu, kerajaan menjana hasil kira-kira RMI bilion daripada caj yang dikenakan bagi pengeluaran setiap AP.

"Setiap AP yang dikeluarkan akan menjana hasil sehingga RM10,000 dan dalam tempoh tiga tahun kerajaan berjaya meraih lebih RMI bilion daripada inisiatif berkenaan.

"Masih terlalu awal untuk membuat sebarang keputusan sama ada meneruskan



MUSTAPA (tengah) bersama Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Ir. Hamim Samuri (dua dari kiri) menyaksikan penukaran dokumen antara Ketua Pegawai Eksekutif Biotech Corp Datuk Dr Mohd. Nazlee Kamal (dua kanan) dan Presiden GMB Malaysia Agil Faisal Ahmad Fadzil (kiri) di Majlis Penukaran Dokumen antara Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia dan Biotech Corp di Kuala Lumpur, semalam.

Impak mansuh AP

■ Masih dalam kajian kerana beri kesan kepada pendapatan negara

atau menghentikan pengeluaran AP dan Kementerian masih dalam peringkat kajian untuk menangani isu berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya kerajaan belum memutuskan tarikh menukar penggunaan diesel Euro 4 di Malaysia memandangkan ia membabitkan

kos tinggi.

"Kerajaan sudah berbilang dengan pelbagai syarikat sejak dua hingga tiga tahun lalu dan membuat keputusan, tetapi tidak dapat melaksanakannya memandangkan kos yang perlu ditanggung syarikat minyak terlalu tinggi membabitkan kerja menaik taraf sistem, loji dan kilang.

"Mereka meminta penangguhan pelaksanaan ini dan Kementerian yang diketuai Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) masih meneruskan perbincangan," katanya.

Menurutnya, sektor automotif menunjukkan minat bagi kerajaan mengikut standard Euro 4 memandangkan banyak negara sudah mula beralih kepada penggunaan Euro 4 dan ada

yang sudah merancang menggunakan Euro 5.

"Dalam hal ini, kita berada di belakang dan jika saya dalam sektor automotif, saya akan bimbang kerana tidak ada kepastian mengenai bila Euro 4 akan digunakan dalam negara.

"Apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang ialah untuk mengimbangi kepentingan industri automotif dan syarikat pengeluar minyak," katanya.

FAKTA
Setiap AP yang dikeluarkan akan jana hasil sehingga RM10,000

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 9 JULAI 2014 (RABU)

40 USAHAWAN BIONEXUS BUMIPUTERA

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 8 Julai - Sebanyak 40 usahawan baharu BioNexus bumiputera bakal dihasilkan pada tahun ini, menjadikan 110 kesemuanya setakat ini yang menyerlahkan lagi pertumbuhan industri bioteknologi negara dan menembusi pasaran dunia dianggarkan bernilai AS\$300 bilion (RM960 bilion).

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp), Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan bagi merealisasikan impian itu.

Katanya, BiotechCorp menyasarkan mahasiswa yang baru menamatkan pengajian bagi meneroka industri berkenaan terutama dalam menghasilkan produk kesihatan.

Malah, jelasnya, BiotechCorp juga akan bekerjasama dengan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB) bagi menjayakan misi tersebut.

"Malaysia masih kaya dengan



Malaysia masih kaya dengan sumber semula jadi dan pertanian yang turut membuka peluang kepada pemain-pemain industri bioteknologi untuk mengkomersialkan produk-produk sehingga ke peringkat global

DR. MOHD. NAZLEE KAMAL

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp)

sumber semula jadi dan pertanian yang turut membuka peluang kepada pemain-pemain industri bioteknologi untuk mengkomersialkan produk-produk sehingga ke peringkat global.

"Kami mahu mengubah sains kepada bentuk perniagaan. Penggunaan teknologi tinggi mampu meningkatkan pendapatan dan keuntungan usahawan-usahawan bumiputera," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat tertutup dan perjanjian kerjasama di antara GMB dengan BiotechCorp di sini hari ini.

Majlis itu disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. Yang turut hadir pada mesyuarat itu ialah Presiden GMB, Agil Faisal Ahmad Fadzil.

Tambah Mohd. Nazlee, Malaysia boleh memilih untuk membangunkan produk berkaitan dengan sektor kesihatan dan farmasi berikutan mempunyai sumber alam yang baik.

Malah, katanya, usahawan-usahawan BioNexus boleh mempelajari kaedah bioteknologi yang digunakan di luar negara untuk dipraktikkan secara komersial di negara ini.

Govt still studying plan to abolish APs

Mustapa: It will have impact on jobs, govt revenue



Mustapa says any alternative to the AP system should be able to make up for the loss of government revenue. – Bernama

KUALA LUMPUR: The Government is still studying a proposal to abolish the approved permit (AP) policy for the import of vehicles, said International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed.

"When we look deeper, we find that it is a little difficult; there is an impact on employment and government revenue," he told reporters after witnessing an exchange of documents between Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB Malaysia) and Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotech Corp).

Mustapa said that in the past three years the Government had collected about RM1bil from the issuance of APs.

Any alternative to the AP system should be able to make up for the

loss of government revenue, he said, adding that removing APs would affect the incomes of employees of 100 companies that were AP holders and, indirectly, the economy.

Mustapa said his ministry was still studying the proposal and that it was still too early for the Government to consider the options.

Meanwhile, on the implementation of the Euro 4 diesel standard in Malaysia, he said the Government had still not decided on the date of conversion.

He said the Government had been engaging with the various companies in the past two or three years and had made a decision but could not implement it as the costs involved were quite exorbitant for the oil companies. "According to the oil companies, it's going to cost them

a lot of money to upgrade their system, factories and plants," he said. "They were asking for a postponement, so we are now still talking to them as part of the team led by Pemandu (Performance Management Delivery Unit)."

Mustapa said the motor sector was quite keen for the Government to adopt the Euro 4 standard.

"This is urgent because many countries have moved to Euro 4 and some are already planning for Euro 5, we are way behind.

"If I was in the auto sector, I would be worried that there is no certainty as to when Euro 4 is going to be used in the country.

"What the Government is doing now is to balance the interests of the auto industry and the interests of the oil refiners," he said. — Bernama

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my
Putrajaya

15 muka baru MKPTN

■ Perkasa pembangunan pendidikan keusahawanan di IPT

Pelantikan 15 ahli baru Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional (MKPTN) semalam diharap dapat membantu meneruskan kejayaan pencapaian program pembangunan keusahawanan di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ahli baru MKPTN itu juga diharap menyumbang idea dan buah fikiran berkaitan pembangunan keusahawanan IPT.

Beliau berkata, ahli majlis berkenaan juga berperanan aktif memberi input bagi membangunkan dasar atau polisi berkaitan pembangunan keusahawanan IPT selain membantu MKPTN bekerjasama dengan industri.

"Pelbagai idea bernas diutarakan ahli majlis dalam mesyuarat hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan diedarkan kepada media selepas mempengerusikan mesyuarat pertama MKPTN di sini, semalam.

Pada mesyuarat sama, Muhyiddin turut menyampaikan watakah pelantikan

kepada ahli baru MKPTN termasuk Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp) Datuk Hafshah Hashim; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Datuk Norhalim Yunus.

Ahli lain dilantik termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) Dzulkipli Fadzilah; Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Ibrahim Ahmad; Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Datuk Nik Ali Mat Yunus; Pengarah Urusan Kumpulan SME Bank Datuk Mohd Raszif Mohd Yunus dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings



FAKTA
4,061 lulusan IPT
pilih bidang
keusahawanan
sebagai kerjaya
selepas tamat
pengajian

MUHYIDDIN mempengerusi Mesyuarat Pertama MKPTN, semalam.

Bhd Datuk Dr Ameer Ali Mydin.

Katanya, beliau berharap MKPTN akan dijadikan platform penting kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) tempatan mengorak langkah menjadi graduan berminda keusahawanan dan seterusnya

seorang usahawan.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata, Kementerian Pendidikan juga perlu meningkatkan kerjasama dan pembabit IPT dengan pemain industri bagi melaksanakan program berstruktur bertekankan keusahawanan.

Sejak diwujudkan pada 15 Mac 2011, MKPTN berjaya

melaksanakan fungsi dan peranannya dengan peningkatan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Critical Agenda Project (CAP) Keusahawanan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Sepanjang penubuhan majlis itu juga, 4,061 lulusan IPT memilih bidang keusahawa-

nan sebagai kerjaya mereka selepas tamat pengajian selain lebih 30 peratus pelajar IPT berjaya didedahkan dengan ilmu dan kemahiran keusahawanan melalui pelbagai program pembudayaan dan aktiviti keusahawanan berstruktur dalam tempoh sama.

MKPTN juga berjaya melaksanakan fungsinya sebagai jambatan antara IPT dan industri dimana kementerian mengadakan beberapa memorandum persefahaman (MoU) dan program kerjasama dengan industri serta agensi pembangun keusahawanan memperkasakan pembangunan pendidikan keusahawanan di IPT.

Kerjasama berkenaan dibuat antara Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), MTDC, SME Corp SME Bank, SKM, Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa), Amanah Ikhtiar Malaysia Bhd (AIM) dan Etiq Takaful Bhd.



Muhyiddin Serah Watikah Pelantikan Anggota Baharu MKPTN



PUTRAJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Lima belas ahli baharu Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional (MKPTN) yang dilantik bagi tahun 2014 menerima watikah pelantikan masing-masing daripada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin

Beliau menyampaikan watikah itu selepas mempengerusikan mesyuarat MKPTN di sini.

Muhyiddin berkata ahli baharu yang dilantik diharap dapat meneruskan kejayaan pencapaian program pembangunan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

"MKPTN juga perlu berperanan sebagai platform untuk terus menyediakan ekosistem terbaik untuk pelajar IPT mengorak langkah menjadi graduan berminda keusahawanan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat.

MKPTN juga, katanya, perlu meningkatkan kerjasama dan penglibatan industri dengan IPT untuk melaksanakan program berstruktur berteraskan keusahawanan bagi memperkasa program internship IPT.

Mereka yang dilantik antaranya ialah Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Datuk Seri Dr Zaini Ujang, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SME Corporation Malaysia Datuk Hafshah Hashim, [CEO Malaysian Technology Development Corporation \(MTDC\) Datuk Norhalim Yunus](#), CEO Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) Dzul kifli Fadzilah dan Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Ibrahim Ahmad.

Ditubuhkan pada 15 Mac 2011, MKPTN bertujuan membantu kementerian meningkatkan usaha dan memantapkan pelaksanaan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT.

Setakat ini sebanyak 4,060 lulusan IPT telah menceburi bidang keusahawanan dalam tempoh tiga tahun selepas Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dilancarkan.

MKPTN juga berjaya mengadakan beberapa memorandum persefahaman dan program kerjasama dengan industri serta agensi pembangunan keusahawanan.

-- BERNAMA